

DATE	: 03 JAN 2024
PUBLICATION	: BERITA HARIAN
SECTION	: BISNES
HEADLINE	: AGX GROUP BUKA PEJABAT DI KOREA SELATAN GUNA HASIL IPO
CATEGORY	: COMPANY
MEASUREMENT	: 50 CM <sup>2</sup>
TONE	: NEUTRAL
REMARKS	: N/A

## AGX Group buka pejabat di Korea Selatan guna hasil IPO



Ponnudurai (tengah) pada majlis memeterai perjanjian penjaminan antara AGX Group dan TA Securities.  
(Foto ihsan AGX Group)

AGX Group Bhd (AGB) bakal disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia apabila memasuki perjanjian penjaminan dengan TA Securities Holdings Bhd (TA Securities) bagi melaksanakan tawaran awam permulaan (IPO) syarikat itu.

IPO itu membabitkan penawaran awam 96.5 juta saham biasa baru dan tawaran jualan 30 juta saham biasa sedia ada.

Daripada 96.5 juta saham penawaran awam, 21.65 juta akan ditawarkan kepada orang awam Malaysia melalui pengundian, 6.32 juta saham diperuntukkan kepada pengarah dan pekerja layak di AGB dan anak syarikat-

nya (AGX Group), manakala baki 68.53 juta saham diperuntukkan melalui penempatan persendirian kepada pelabur terpilih.

Menurut perjanjian penjaminan, TA Securities menjamin jumlah keseluruhan 21.65 juta saham berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif Kumpulan AGB, Datuk Ponnudurai Periasamy, berkata pemeterian perjanjian penjaminan itu menandakan satu mercu tanda penting dalam perjalanan kumpulan untuk menjadi entiti disenaraikan.

Katanya, hasil IPO digunakan untuk pengembangan perniagaan di dalam dan luar negara da-

lam bentuk penubuhan gudang dan pejabat baharu di Pulau Pinang serta Johor Bahru, selain penubuhan pejabat baharu di Busan untuk memperluas kehadirannya di Korea Selatan.

“Sebahagian hasil IPO juga ditetapkan untuk pembentahan modal kerja, pembayaran pinjaman bank serta belanja penyeraian.

“Kami berharap status penyeraian pada masa depan lebih mengukuhkan kehadiran serantau sambil memberi lebih banyak kredibiliti kepada perkhidmatan kami sediakan seperti perkhidmatan logistik aeroangkasa,” katanya.